

14/06/1998

Hasil komoditi utama ditingkat

KUALA TERENGGANU: Kerajaan mengambil langkah positif untuk mempertingkatkan pengeluaran komoditi utama negara dan meminta sektor swasta turut sama dalam membabitkan diri dalam aktiviti hiliran, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah mengarahkan kementeriannya supaya mempertingkatkan keupayaan untuk mencari pasaran baru termasuk di Eropah dan Amerika Syarikat terutama eksport minyak kelapa sawit.

Pengeluar komoditi utama perlu dipertingkatkan untuk menampung permintaan yang dijangka tinggi dari pasaran seberang laut, katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Hari Perhutanan Sedunia Ke-27 Peringkat Kebangsaan di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza) di sini petang ini.

Bercakap mengenai perolehan eksport daripada komoditi utama dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini beliau berkata, Malaysia mencatat perolehan yang tinggi termasuk perolehan daripada petroleum dan gas sehingga RM63.45 bilion meningkat sebanyak RM9.93 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Dr Lim berkata, minyak kelapa sawit dan produk berasaskan minyak sawit termasuk petroleum dan gas mencatatkan sumbangan terbesar daripada perolehan berkenaan.

"Bagi perolehan eksport minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit sahaja dijangka akan mencatatkan peningkatan sehingga RMN18.6 bilion berbanding RM12.76 bilion tahun lalu," katanya.

Manakala perolehan daripada eksport petroleum dan gas serta produk berasaskan komoditi berkenaan dijangka mencatat sehingga RM21.7 bilion berbanding RM16.6 bilion tahun lalu.

(END)